

D683

U B177 BAH  
MAHATHIR - MAK  
(I)

SUBANG, 28 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA BAHAWA ADA BANYAK FAKTOR YANG PERLU BELIAU TIMBANGKAN MENGENAI KEDUDUKAN MENTERI BURUH, DATUK MAK HON KAM DALAM KABINET.

MENURUTNYA, KEDUDUKAN DATUK MAK ADALAH SESUATU YANG PERLU DIBINCANGKAN KEMUDIAN DAN BELIAU PERLU MEMBINCANGKAN DENGAN RAKAN-RAKANYA DAN PARA PIMPINAN BARU MCA.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARI LAWATAN SEMBILAN HARI KE CHINA, FERDANA MENTERI MENYEBUT BAHAWA BEKAS MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN KEMAJUAN WILAYAH, HAJI HASSAN ADLI MASIH BERADA DALAM KABINET WALAUPUN BELIAU TIDAK LAGI MENGANGGOTAI MANA-MANA PARTI KETIKA ITU.

+TETAPI SAYA TIDAK MENGGUNAKAN ITU SEBAGAI CONTOH,+ KATANYA.

+BELIAU (MAK) MUNGKIN MASUK ATAU KELUAR,+ KATANYA.

DATUK MAK YANG MENDAKWA PEMANGKU PRESIDEN MCA SEBELUM PEMILIHAN PARTI ITU, TIDAK BERTANDING DALAM PEMILIHAN AHAD LALU. -- LAGI.  
2156MST 28 11 85

D684

U B178 BAH  
MAHATHIR - MAK 2 SUBANG  
(I)

KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN LAIN, DATUK SERI MAHATHIR BERKATA, BERAKHIRNYA KRISIS MCA YANG BERLARUTAN SELAMA 20 BULAN ITU TIDAK BERMAKNA PILIHANRAYA UMUM AKAN SEGERA DIADAKAN.

PILIHANRAYA ITU, KATANYA, BOLEH DIADAKAN PADA BILA-BILA MASA ANTARA SEKARANG DENGAN BULAN APRIL 1987. -- BERNAMA.  
2156MST 28 11 85